

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian sedar penerima bantuan am kategori di bawah umur 60 tahun, bukan beragama Islam, tidak berkahwin dan tidak mempunyai tanggungan cuma menerima RM100 sebulan dan sebahagian daripada mereka hidup sebatang kara tanpa rumah sendiri, cuma bergantung dengan bantuan RM100 sahaja. Bolehkah Kementerian mengubah dasar dengan memberikan mereka kategori khas yang boleh menerima bantuan bulanan lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Am Persekutuan bertujuan untuk membantu individu/keluarga yang kurang berkemampuan dan berkeperluan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam komuniti yang bagi pemohon yang tinggal di Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Syarat-syarat kelayakan Bantuan Am ialah :

- i. Warganegara dan bermastautin di Wilayah Persekutuan;
- ii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita semasa; dan
- iii. Golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah mana-mana skim bantuan bulanan JKM lain.

Kadar bantuan adalah sebanyak RM100 sebulan seorang dan maksimum sebanyak RM350 sekeluarga. Penentuan kadar bantuan adalah berdasarkan bilangan isi rumah dan keperluan seseorang pemohon. Bantuan ini merupakan skim bantuan alternatif bagi mereka yang memerlukan bantuan tetapi tidak menepati syarat yang ditetapkan di bawah skim bantuan persekutuan yang lain.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seramai 972 penerima bantuan yang menerima Bantuan Am Persekutuan dengan peruntukan sebanyak RM2,575,202.00. Daripada jumlah tersebut seramai 274 penerima adalah di WP Labuan dan seramai 79 orang penerima Bantuan Am tersebut yang menerima kadar bantuan RM100 sebulan manakala selebihnya menerima lebih daripada RM100. Pecahan penerima Bantuan Am Persekutuan mengikut kadar bantuan di WP Labuan adalah seperti berikut:

**Statistik Penerima Bantuan Am Mengikut Kadar Bantuan Wilayah
Persekutuan Labuan**

KADAR (RM)	BIL. KES
100	79
200	127
300	37
350	31
JUMLAH KESELURUHAN	274

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengemukakan cadangan untuk menaikkan kadar Bantuan Am Persekutuan daripada kadar sedia ada minimum RM100 dan maksimum RM350 kepada minimum RM150 dan maksimum RM1,000 mengikut keperluan isi rumah dan keluarga dalam Dasar Belanjawan Kementerian bagi tahun 2021 kepada Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2021 hanya mengumumkan kenaikan kadar bantuan bagi Bantuan Kanak-Kanak, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja, Bantuan Orang Tua dan Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/OKU Terlantar sahaja tidak termasuk Bantuan Am. KPWKM akan mengemukakan semula cadangan kenaikan kadar Bantuan Am ini semasa permohonan Belanjawan bagi tahun 2022 nanti.

Sekian, terima kasih.